

01/03/1997

Kertas cadangan diserahkan pada PM

Ahmad Burak

KUALA LUMPUR, Jumaat - Kertas cadangan mewujudkan Khidmat Sosial Negara dijangka dikemukakan kepada Jawatankuasa Khas Menangani Gejala Sosial yang dipengerusikan Datuk Seri Anwar Ibrahim selewat-lewatnya, Mac ini.

Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata kementeriannya dijangka menerima kertas kerja yang disiapkan oleh petugas khas itu sehari dua ini.

"Kertas kerja yang diterima akan diteliti serta dibincangkan sebelum diserahkan kepada Timbalan Perdana Menteri yang mempengerusikan jawatankuasa khas itu.

"Kita jangka kertas cadangan itu boleh diserahkan dan dibawa dalam mesyuarat Jawatankuasa Khas Menangani Gejala Sosial yang akan datang," katanya selepas menyaksikan upacara menandatangani Perjanjian Persefahaman Antara Kementerian Belia dan Sukan, Yayasan Nurul Yaqeen (YNY) dan Universiti Malaya mengenai penubuhan Pusat Kaunseling Belia di sini, hari ini.

Hadir sama pada majlis itu ialah Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan, Datuk Ahmad Badri Sabdin; Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) Universiti Malaya, Datuk Prof Zainal Kling; Ahli Lembaga Pemegang Amanah YNY, Tan Sri Dr Mohd Ridzuan Mohd Salleh; dan Pengarah Eksekutif YNY, Dr Abdul Razak Omar.

Muhyiddin berkata, jawatankuasa petugas yang dipengerusikan Tan Sri Dr Awang Had Salleh itu sudah bermesyuarat beberapa kali bagi menentukan bentuk Khidmat Sosial Negara yang merangkumi cadangan terperinci, jadual, kurikulum dan infrastruktur fizikal.

"Pelbagai pendapat dibangkitkan orang ramai mengenai Khidmat Sosial Negara, termasuk cadangan mewajibkan program itu kepada belia lepasan sekolah. Perbincangan memperluas skop program turut dibuat dan menimbulkan pelbagai reaksi," katanya.

Beliau berkata, sama ada ia perlu diwajibkan atau sebaliknya dapat diketahui selepas kementerian meneliti kertas cadangan yang bakal diterima.

Awal bulan ini, Muhyiddin berkata, pihaknya akan mengemukakan kertas cadangan Khidmat Sosial Negara yang sedang dirangka, kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk dipertimbangkan sebagai program kerahan tenaga.

Beliau berkata, kementeriannya sudah menubuhkan pasukan petugas khas untuk merangka program khidmat sosial Negara, yang memberi tumpuan kepada aspek moral dan kegiatan kemasyarakatan, pembinaan sahsiah dan amalan cara hidup sihat.

(END)